

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan keberkesanan dasar, pendidikan dan tindakan undang-undang sedia ada untuk menangani masalah perkauman di dalam negara.

**JAWAPAN**

1. Sejak penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, beberapa dasar dan pelan tindakan telah digubal oleh Kementerian bagi mengukuhkan perpaduan seperti berikut:

- i. **Dasar Perpaduan Negara** yang merupakan **dokumen dasar pertama Kerajaan** yang khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”.
- ii. **Tiga (3) teras utama** Dasar Perpaduan Negara:
  - a) Patriotisme dan demokrasi;
  - b) Identiti nasional; dan
  - c) Ekosistem perpaduan.
- iii. Dasar ini disokong oleh:

- a) Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030;
- b) Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030; dan
- c) KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia.

3. Bagi memastikan nilai-nilai perpaduan dapat diterapkan sejak dari seawal usia kakak-kanak, **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** telah dihasilkan yang antaranya memperkenalkan inisiatif berikut:

- i. Modul Pendidikan Penghayatan Rukun Negara;
- ii. Modul Komunikasi Asas Bahasa Ketiga; dan
- iii. Modul Kemahiran Jom Urus Diri.

3. Pemantapan **Modul Pengurusan dan Program Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN)** dilaksanakan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara di peringkat sekolah dan universiti.

4. Kementerian juga telah **memantapkan sistem tadbir urus perpaduan** dengan pembentukan struktur di setiap peringkat bagi memastikan agenda perpaduan dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi:

- i. Majlis Penasihat Perpaduan Negara (**MPPN**);
- ii. Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak (**MExUnity**);
- iii. Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (**PADUNEGERI**); dan
- iv. Jawatankuasa Permuafakatan Komuniti.

5. Bagi tujuan penguatkuasaan, **undang-undang sedia ada yang terpakai jelas menetapkan** mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan berbentuk

provokasi yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- d) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
- e) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- f) seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- g) seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
- h) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

6. Bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian antara etnik yang akan menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi tahun 2021 di peringkat nasional dan negeri, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Pakarunding untuk **melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNAS) 2021**. IPNAS juga bertujuan untuk:

- i. Menjadi **kayu pengukur terhadap keberkesanan** pelaksanaan inisiatif dan program-program yang dilaksanakan.
- ii. Menghasilkan Laporan Indeks Perpaduan Nasional 2021 yang boleh diguna pakai sebagai ukuran tahap perpaduan untuk tempoh dua tahun (2021 dan 2022).